

KENYATAAN MEDIA

MRT CORP LANCAR PROGRAM USAHAWAN MUDA MRT KEDUA

Kuala Lumpur, 11 May 2016: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) hari ini melancarkan Program Usahawan Muda MRT (MYEP) buat kali kedua yang akan menyaksikan graduan Bumiputera menjalani latihan dan kemudiannya menubuhkan syarikat-syarikat untuk memperolehi kontrak MRT.

Program ini yang diilhamkan oleh MRT Corp sebagai sebahagian daripada Agenda Bumiputera bagi Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang (KVMRT) akan melibatkan seramai 60 graduan muda yang akan dipilih bersama oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan MRT Corp.

Mereka kemudiannya akan menjalani latihan intensif dan latihan amali selama setahun di mana mereka akan memperolehi kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menjadi usahawan dalam industri pembinaan.

Selain modul oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia, para peserta turut akan menjalani latihan oleh PUNB dan MRT Corp manakala latihan di tapak akan disediakan oleh CIDB Malaysia dan MRT Corp.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Dato' Sri Shahril Mokhtar berkata sebaik sahaja latihan ini siap, para peserta akan menubuhkan syarikat-syarikat, sama ada dengan sendiri atau dengan perkongsian antara satu sama lain.

"Apabila syarikat-syarikat ditubuhkan, mereka boleh memperolehi kontrak yang ditawarkan bagi pembinaan Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya," katanya.

Ini merupakan kumpulan MYEP yang kedua. Kumpulan pertama telah diambil pada tahun 2013 semasa pembinaan Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang.

Dalam kumpulan itu, 18 graduan muda Bumiputera telah dipilih untuk menjalani latihan di mana mereka dilengkapi dengan kemahiran untuk menjadi usahawan dalam industri pembinaan. Pada akhir program ini, 14 peserta telah berjaya menamatkan program dan membentuk 13 syarikat yang kemudiannya dianugerahkan kontrak oleh Kontraktor Pakej Kerja (WPCs) Laluan SBK.

Dato' Sri Shahril berkata beberapa graduan MYEP 1 telah berjaya mendapat kontrak susulan daripada Kontraktor Pakej Kerja (WPCs) disebabkan kualiti kerja mereka.

"Ini membuktikan graduan muda ini, setelah menjalani program, mempunyai kebolehan untuk menjadi usahawan dalam industri pembinaan. Saya yakin bahawa syarikat-syarikat



ini mempunyai apa yang diperlukan untuk menjadi pemain global dalam sektor pembinaan," menurut Dato' Sri Shahri.

Memanfaatkan kejayaan dan momentum dari MYEP 1, MRT Corp telah membuat keputusan untuk melaksanakan program kedua memandangkan pembinaan bagi Laluan SSP akan bermula.

Dalam MYEP 1, MRT Corp telah bekerjasama dengan PUNB. Untuk MYEP 2 pula, MRT Corp telah meluaskan kerjasama dengan melibatkan CIDB Malaysia yang akan menyediakan pembiayaan dan latihan untuk program ini, serta membolehkan para peserta menerima pentaullahan dari agensi penyelia industri pada masa hadapan. PUNB, bersama-sama dengan MRT Corp, akan ditugaskan untuk memilih peserta program.

Pada hari ini, MRT Corp telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman dengan PUNB dan CIDB Malaysia bagi mewujudkan kerjasama ke arah membangunkan graduan muda Bumiputera untuk keusahawanan, pendidikan, pengurusan pelaburan dan dalam industri pembinaan dan runcit.

Ketua Pegawai Eksekutif Dato' Sri Shahril telah menandatangani bagi pihak MRT Corp manakala Ketua Pegawai Eksekutif PUNB Datuk Dzulkifli Fadzilah dan Ketua Pegawai Eksekutif CIDB Malaysia Datuk Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid telah menandatangani bagi organisasi masing-masing.

-TAMAT-

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mr Leong Shen-li

012-3196602/leong.shen-li@mymrt.com.my

MRT Corp

Cik Amalina Ghazali

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my

MRT Corp